

# Ulama asal Banjar dikagumi di Timur Tengah, Nusantara

## Cucu Syekh Muhammad Arsyad ialah Mufti Singapura yang pertama

Oleh HJ SULAIMAN JEEM  
Penulis khas

**K**HEBATAN Syekh Muhammad Arsyad sebagai seorang alim dan wali tidak sahaja dikenali di Nusantara, malah di Timur Tengah dan di negara-negara Islam lain.

Ulama asal Banjarmasin, Indonesia, ini menghabiskan usianya lebih dari 40 tahun menyebarkan Islam di negara-negara Nusantara.

Beliau telah berguru dengan berpuluh ulama dari pelbagai negeri yang datang ke Makkah Al-Mukarramah, seperti Syekh Muhammad bin Sulaiman Al Kurdi (Iraq), Syekh Ataulah bin Ahmad (Mesir), Syekh Ahmad bin Abdul Munim Ad-Damanhuri, Syekh Abdullah bin Hijazi, Syekh Abdurrahman bin Abdul Aziz (Maghribi), Syekh Muhammad bin Ahmad Al-Jauhari, Maulana Sayyid Abdullah, Shekh Muhammad Zain bin Faqih Jalaluddin (Aceh), Syekh

Abdurrahman bin Syekh Abdul Mubin (Fatani) dan Syekh Hassan bin Ahmad (Yaman).

Menurut catatan, beliau pada mulanya belajar agama di negerinya sendiri, Banjarmasin. Kemudian melanjutkan ke Makkah selama lebih kurang 30 tahun dengan guru-guru yang disebutkan itu.

Kegiatan dakwah telah membawa beliau ke beberapa negeri di Indonesia demi mengembangkan agama Islam dengan penuh gigih di samping mengalami pelbagai suka-duka. Syekh Muhammad bersyukur kepada Allah kerana mampu menyumbangkan khidmatnya dalam kegiatan menyebarkan ajaran Islam selama masa tersebut.

Beliau dilahirkan di Banjar pada 15 Safar 1122H (13 Oktober 1710 Masihi). Pada 6 Syawal 1227H (18 Jun 1812 Masihi) ulama besar ini meninggal dunia di Kampung Dalam Pagar Kalimantan, ketika berusia 105 tahun.

Nama lengkapnya ialah Syekh Muhammad bin

Arsyad bin Abdullah Al-Banjari. Salah seorang cucunya mengikuti jejak beliau, malah telah berjaya dalam hidupnya sebagai seorang alim yang dihormati ramai iaitu Haji Mohamad Sanusi Mahmud (Allahyarham), mantan Mufti Singapura yang pertama, mantan Presiden Mahkamah Syariah dan mantan ketua penasihat ehwal agama Persekutuan Seruan Islam Singapura (Jamiyah).

Semasa hayatnya, Haji Mohamad Sanusi pernah menulis mengenai pencapaian datuknya, terutama di bidang ilmu dan beribadat.

Dalam zaman Sultan Tahmidillah bin Sultan Tamjidillah yang memerintah Banjar, terdapat seorang salih bernama Abdullah. Begitu juga isterinya.

Pasangan ini amat berdukacita kerana tidak dikurniakan zuriat meskipun telah agak lama mendirikan rumahtangga. Beliau memohon kepada Allah sepanjang masa dengan

penuh khusyuk dan tawaduk agar Allah tidak menjadikannya mandul selamanya.

Tidak lama kemudian Allah mengabulkan doanya. Isterinya hamil. Pasangan tadi amat gembira dan bersyukur kepada Allah. Mereka berdoa semoga anak tadi menjadi orang salih.

Pada suatu bulan Ramadan, kedua-dua pasangan itu mengerjakan solat malam sebagai menghidupkan sinaran bulan penuh barakah itu. Tiba-tiba mereka melihat sesuatu yang aneh: pokok-pokok di sekitarnya tunduk dan senyap sebagai tanda sujud kepada Allah. Keadaan air juga didapati beku.

Suasana sekitarnya dilihat amat hening. Angin bertiup sepoi-sepoi, sementara langit begitu cerah. Kedua-dua suami isteri itu tidak meragui menyimpulkan bahawa malam itu adalah Lailatulqadar. Malam lebih baik dari seribu bulan. Malam Allah mengabulkan segala doa para hambanya.

Mereka bermunajat kepada Allah sekhushyuk yang

terdaya supaya dikurniakan anak yang salih.

Apabila tiba masanya, lahirlah Muhammad Arsyad. Pada dirinya terlihat tanda-tanda dia akan menjadi orang alim dan cerdik.

Ketika usianya mencecah tujuh tahun, Muhammad Arsyad amat gemar melukis. Terutama melukis pemandangan. Kepandaiannya membaca Quran juga bukan kepalang. Hal itu menarik hati Sultan Tahlilullah (memerintah Banjar dari tahun 1700 hingga 1734) untuk memeliharanya di istananya.

Sebenarnya sultan menemui Muhammad Arsyad secara kebetulan saja: ketika sultan berjalan-jalan menyaksikan kehidupan rakyat, akhirnya beliau sampai di Kampung Lok Gabang, tempat tinggal ibu bapa Muhammad Arsyad.

Sultan melihat sebuah lukisan indah di kampung itu dan tertarik dengannya. Setelah bertanya dan mengetahui pelukisnya, beliau menitahkan supaya pelukis cilik itu dibawa ke hadapannya.

Beliau amat gembira mengetahui anak itu tidak sahaja pintar melukis, malah pandai pula membaca Quran dengan penuh tartil.

Meyakini anak itu akan menjadi orang pintar, sultan meminta izin kedua-dua ibu bapanya untuk membawa Muhammad Arsyad ke istana bagi dididik dan diajar selengkapnya.

Ibu bapanya tidak menolak. Bermulalah Arsyad hidup sebagai keluarga istana, mendapat pendidikan Islam dan layanan sewajarnya hingga membesar menjadi pemuda alim.

Muhammad Arsyad kemudian dinikahkan dengan Puan Bajut atas iktihar sultan ketika beliau berusia 30 tahun.

Perkahwinan itu berlangsung beberapa bulan, namun Muhammad Arsyad masih dahagakan ilmu pengetahuan. Cita-cita yang sentiasa membara di sanubarinya ialah untuk mengaji di Makkah.

Muhammad Arsyad amat gembira kerana sultan merestui cita-citanya itu. Malah raja itu sanggup menanggung segala biayanya selama di Makkah hingga Muhammad Arsyad pulang semula ke tanah air kelak.